

KARYAWAN NEGERI SARAWAK



DR. HAZAMI JAHARI

Lahir di Kampung Tengah Gedong, Simunjan, Sarawak pada 19 September 1968. Pendidikan awalnya bermula di SRK Abang Kadir Gedong (1976-1981) sebelum meneruskan persekolahan di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW), Matang, Kuching dalam Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam Atas (1982-1988).

Memperoleh Sarjana Muda Sastera (Kepujian) pada tahun 1992 dan Ijazah Sarjana Sastera dalam bidang Sastera dan Penerbitan dari Universiti Malaya (UM). Minat yang mendalam serta usaha yang bersungguh-sungguh untuk membuktikan bahawa anak kampung boleh berjaya, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 2008 hingga 2011 dengan memperoleh Ph. D dalam bidang Sastera Tradisional dengan tesis "Pantun Mukun Gendang Melayu Sarawak: Satu Kajian Estetika" pada tahun 2013.

Hazami Jahari memulakan kerjaya sebagai Pegawai Perancang Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak pada 1 September 1992.

KARYAWAN NEGERI SARAWAK



Sepanjang perkhidmatannya, beliau pernah bertugas sebagai Ketua Unit Pengembangan Sastera, Penolong Pengarah Bahasa dan Sastera dan Timbalan Pengarah Pengembangan Bahasa dan Sastera. Pada 1 Januari 2014, beliau dilantik sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak sehingga sekarang.

Semasa di peringkat sekolah menengah (SMKA SHOAW), beliau aktif dalam kegiatan ko-kurikulum. Penglibatannya termasuk sebagai Ketua Pengawas (1987), Ketua Sidang Redaksi Majalah sekolah, Pengerusi Persatuan bahasa Melayu, Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah, wakil pasukan Bahas Piala Ketua Menteri SMKA SHOAW, wakil syarahan agama, wakil pasukan bola sepak dan badminton. Di peringkat universiti, beliau merupakan Ketua Satu Ikatan Sasterawan Universiti Malaya (ISUM) sesi 1990/91 dan Presiden Persatu Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PERMIS) sesi 1990/91.

Minat dan penglibatan beliau dalam kegiatan kemasyarakatan diteruskan sehingga kini dengan menjawat Presiden Pertubuhan Alumni SHOAW (2013/2015). Selain itu, beliau turut memegang jawatan Yang Di-Pertua (YDP) PIBG SMK Matang Jaya (2011 hingga kini) dan YDP PIBG SMK Teknik Sejingkat (2014/2015).

Dalam bidang penulisan, beliau menulis sajak, cerpen, skrip drama dan kritikan sastera. Tulisan beliau tersiar dalam Dewan Sastera, Pelita Bahasa, Dewan Budaya, Berita Harian, Utusan Malaysia, Utusan Sarawak, Utusan Borneo dan Jendela Sarawak. Beliau juga pernah menerima Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak untuk genre puisi dan kritikan sastera. Di samping itu, karyanya turut dimuat dalam beberapa antologi puisi terbitan DBP. Kumpulan puisi Catatan Kenangan di Lembah Serapi merupakan kumpulan puisi pertama beliau yang diterbitkan.